

DESIGN DECODED 2021 : ART EXHIBITION



*Decrypt your
visual creativity*

DESIGN DECODED 2021 : ART EXHIBITION



Strategic
Partners:



Lembaga Muzium
Negeri Kedah



Suan Sunandha Rajabhat
University, Thailand



Far Eastern University
Philippines



Hanseo University
Korea



كليات التقنية العليا
HIGHER COLLEGES OF TECHNOLOGY

United Arab Emirates

DESIGN DECODED 2021 : ART EXHIBITION



Copyright ©2021
by the Faculty of Art and Design,
Universiti Teknologi MARA (UiTM) Kedah Branch

All rights reserved. No part of this publication may be reproduced, copied, stored in any retrieval system or transmitted in any form or by any means, electronic, mechanical, photocopying, recording or otherwise, without the prior permission from the Rector, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Kedah Branch, 08400 Merbok, Kedah, Malaysia.

The views, opinions and technical recommendations expressed by the contributors are entirely their own and do not necessarily reflect the views of the editors, the Faculty or the University.

Cover Design : Neesa Ameera Mohamed Salim
Layout Design : Neesa Ameera Mohamed Salim
 : Syahrini Shawalludin
 : Abdullah Kula Ismail


Chief Editors : Neesa Ameera Mohamed Salim
 Faryna Mohd Khalis

ISBN 978-967-2948-13-1

Editors : Ts. Normarziana Hassan
 Juaini Jamalludin
 Syahrini Shawalludin
 Siti Fairuz ibrahim
 Abdullah Kula Ismail

Printed by

Sinaran Bros. Sdn Bhd (No. 3968-X)
Percetakan-Offset-Digital-Penjilid
5-3-18, The Promenade,
Permaisuri Mahsuri,
11950, Bayan Baru,
Pulau Pinang, Malaysia
sinaranbros.digital@gmail.com



Nur Ardira Syakila Suhaili Mohd Zamri Azizan Anti-Corona

Corona atau covid-19 ialah sejenis virus yang boleh membawa penyakit yang berbahaya serta membawa maut. Awalnya Covid-19 dikategorikan sebagai virus yang menyebabkan sejenis penyakit di kalangan haiwan mamalia dan burung. Dan kini makhluk yang bernama manusia pula dijadikan tumpuan untuk dilenyapkan. Virus yang cepat merebak secara drastik ini masih lagi belum sampai ke penghujungnya di mana kes-kes jangkitan yang berlaku di seluruh dunia didapati turut menghasilkan varian baru yang lebih parah lagi meragut nyawa manusia dalam sekelip mata. Kita sebagai manusia yang perihatin perlulah lebih sensitif dan peka serta memberi kerjasama seratus peratus terhadap apa yang telah digariskan oleh kerajaan dalam mengekang virus ini dari terus merebak dan mengembalikan keharmonian negara seperti sebelum ini.

Kewajipan untuk membangunkan kembali negara kepada paksi asalnya adalah tanggungjawab bersama yang perlu digalas ketika ini demi

kesejahteraan rakyat yang hilang norma-norma kehidupan sejak pandemik melanda negara dewasa ini. Tak mengira apa jua bentuk tindakan yang perlu diambil sebagai sumbangan kesedaran kepada masyarakat kerana yang penting kita sama-sama perihatin dan peka terhadap apa jua situasi yang akan berlaku selepas ini. Di atas kepekaan terhadap situasi semasa maka lahirlah satu bentuk pernyataan seni di mana visi dan misinya lebih menjurus kepada memberi satu sensitiviti kepada masyarakat agar lebih perihatin dan berhati-hati dalam apa jua bentuk aktiviti yang dilakukan yang sentiasa terbatas.

Dalam penghasilan karya pelbagai media dan gaya dilihat cuba diolah oleh setiap pengkarya agar keberkesanannya dapat menarik perhatian dan sampai ke jiwa penonton. Pengkarya memilih garapan berbentuk origami sebagai olahan karya sepenuhnya. Origami dilihat sebagai satu teknik yang berkesan sebagai wadah seni pengkarya disebabkan jiwa yang ingin bereksperimentasi dengan media baru dan mengungkapkan pendekatan yang berbeza untuk dihayati oleh penonton dengan lebih mudah.

Arca yang dikenali sebagai Anti Corona ini telah menggunakan beberapa aplikasi teknik yang menarik. Walaupun ianya agak berbeza dari segi bentuk kebiasaannya namun ianya tetap unik dan membawa maksud yang mendalam untuk dihayati penonton. Pelbagai jenis media seperti kertas dan mounting board telah diaplikasikan dan merupakan media utama keseluruhan arca. Untuk bahagian asas imitasi virus ini pengkarya telah menggunakan beberapa helaian kertas yang maksima dengan variasi teknik lipatan yang kemas. Warna ungu pudar cuba diterapkan pada arca ini kerana sifatnya yang kelihatan seperti agak suram demi untuk mencapai maksud yang lebih subjektif terhadap virus covid-19. Manakala stem asal virus telah diolah semula dengan potongan pentagon

dan ditampal di atas mounting board agar dapat memberi satu kesan yang kontra dalam mencapai maksud tertentu.

Warna adalah elemen terpenting dalam menzahirkan arca ini. Warna juga mentakrif pelbagai persepsi. Pengkarya cuba menggarap dua warna kontra yang dominan agar dapat menimbulkan mood yang berbeza apabila mengapresiasi arca ini. Kesan yang kontra pada arca ini mengajak penonton untuk memberi satu pengamatan pada sisi lain walaupun hanyalah sekadar sebuah mini arca tetapi pengertiannya lebih luas dari santapan visual semata-mata.

Justeru harapan pengkarya dengan wujudnya arca turut memberi manfaat bersama agar sentiasa berwaspada dan berlimitasi dalam apa jua keadaan. Pandemik ini tidak memilih sesiapa untuk dihilangkan statusnya di muka bumi atau tidak tertakhluk pada sesuatu komuniti di mana justifikasinya tetap sama iaitu membunuh dalam tidak ketentuan masa, ruang dan situasi.



NUR ARDIRA SYAKILA SUHAILI
Anti-Corona

Mixed Media
8 in x 8 in x 8 in
ardirasyakila@gmail.com

DESIGN DECODED 2021 : ART EXHIBITION



ISBN 978-967-2948-13-1



9 789672 948131

